

07 OCT 2000

Rais-kehakiman

RAIS PERTAHAN BADAN KEHAKIMAN MALAYSIA DI CAMBRIDGE

KUALA LUMPUR, 7 Okt (Bernama) -- Sistem perundangan dan kehakiman Malaysia mungkin bukan seperti Mahkamah Agung Amerika Syarikat atau House of Lords di Britain tetapi ia tetap merupakan benteng undang-undang untuk semua rakyat Malaysia, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Rais Yatim.

Katanya sebarang keputusan mahkamah di sesebuah negara yang tidak menepati jangkaan pihak tertentu di dalam atau luar negara itu, bukan bermakna negara berkenaan tidak mengamalkan demokrasi dan undang-undang.

Begitu juga jika hanya kerana pemimpin sesebuah negara itu kuat dan berani menyuarakan pendapatnya berhubung kerajaan dan pihak yang ditadbir, tidak menjadikan pemimpin itu seorang diktator atau dia mengetepikan undang-undang, katanya.

"Tidak dinafikan bahawa badan kehakiman Malaysia ada kekurangannya tetapi ini tidak bermakna sesetengah daripada keputusannya menjadikan keseluruhan sistem tidak berguna," katanya pada persidangan "Malaysia di Alaf Baru" di Universiti Cambridge di United Kingdom. Teks ucapannya dikeluarkan di sini hari ini.

Rais berkata bahawa apabila Datuk Seri Anwar Ibrahim didapati bersalah terhadap tuduhan rasuah dan liwat oleh mahkamah di Malaysia, ada pemimpin Amerika dan Australia di antara beberapa yang lain, begitu pantas mengutuk dan menganggapnya sebagai komplot politik untuk menyingkir bekas timbalan perdana menteri itu.

Kes Anwar dan pendekatan kehakiman yang digunakan, menimbulkan minat begitu besar di luar Malaysia seolah-olah bekas timbalan perdana menteri itu "ditauliahkan ke White House", katanya.

Rais mengingatkan pengkritik bahawa mahkamah Malaysia pernah menghukum beberapa tokoh negara seperti menteri kabinet, ketua menteri, pegawai kanan kerajaan, anggota keluarga diraja dan bekas seorang bekas setiausaha agung Umno.

"Masyarakat antarabangsa perlu diberitahu bahawa undang-undang Malaysia melarang dan mengutuk perbuatan homoseks...ia mungkin amalan yang diterima di Barat tetapi Malaysia terkecuali.

"Di Asia dan dalam Islam, perbuatan itu memang terlarang dan ia akan sentiasa begitu," katanya.

Rais berkata Malaysia tidak perlu meminta maaf terhadap pengendalian dan hasil sistem demokrasi dan perundangannya walaupun terdapat kecaman keras dari luar negara.

Rais berkata tidak ada sebarang amalan antarabangsa untuk menentukan sistem yang saksama dan diterima di sesebuah negara.

"Apa yang kita ada hanyalah tekanan oleh pihak-pihak tertentu yang secara kebetulan tidak suka kepada pendapat seseorang pemimpin Asia seperti (Perdana Menteri) Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang berani mengatakan hitam itu hitam," katanya.

Beliau juga berkata pelbagai variasi demokrasi di seluruh dunia perlu diterima asalkan sistem demokrasi di sesebuah negara itu mengekalkan persekitaran undang-undang.

Rais berkata sesiapa saja yang bersiar-siar di Kuala Lumpur pada waktu siang atau malam akan mendapati Malaysia sebuah negara yang selamat dan cantik kerana demokrasi dan undang-undangnya telah menghasilkan satu masyarakat berbilang bangsa yang gembira.

Beliau juga berkata Malaysia kini mempunyai sebuah badan menangani isu-isu hak asasi.

Kejayaan Malaysia mengendalikan soal kemiskinan, kebajikan dan perumahan serta statusnya yang tidak mengalami masalah pengangguran, adalah bukti pencapaian bagi hak asasi.

"Malahan, kami melayan pendatang haram dengan hormat. Kami tidak merampas tanah rakyat asing. Kami juga memajukan banyak kawasan dengan modal dan kepakaran asing," katanya.

Dengan itu, kata Rais, pelabur Amerika, British dan Jepun serta yang lain mendapat tempat berteduh dan mengaut keuntungan untuk syarikat mereka.

"Cara Malaysia terbukti membawa manfaat kepada rakyat Malaysia," katanya.

-- BERNAMA

MAM ZS MAI